

## Individual Responsibility Plan (Pelan Tanggungjawab Individu, IRP)

WorkFirst Individual Responsibility Plan (Pelan Tanggungjawab Individu WorkFirst) untuk \_\_\_\_\_

JAS ID	NOMBOR KES
ID KLIEN	

Saya faham yang:

- Saya perlu bekerja, mencari kerja atau bersedia untuk kerja.
- Saya harus turut serta dalam aktiviti yang wajib untuk saya. Jika tidak, saya akan menerima penalti melainkan saya dapat membuktikan saya ada alasan munasabah. Keadaan ini dikenali sebagai berada dalam status sekatan WorkFirst.
  - Jika saya disekat, ini bermakna:
    - Peruntukan saya akan dikurangkan kepada 40% atau syer seorang individu, yang mana yang lebih, ATAU:
    - Saya tidak dapat menerima perkhidmatan sokongan, melainkan saya melibatkan diri semula dalam WorkFirst.
  - Jika bantuan kewangan saya dikurangkan disebabkan oleh sekatan WorkFirst:
    - Saya mungkin perlu mematuhi IRP saya selama empat minggu berturut-turut bagi menamatkan sekatan.
    - Sebaik sahaja saya melakukan apa yang diperlukan selama empat minggu berturut-turut, penalti sekatan saya berakhir bermula bulan pertama selepas empat minggu penyertaan saya.
    - Kes saya mungkin akan ditutup jika saya kekal dalam sekatan selama sepuluh bulan berturut-turut.
  - Jika kes saya ditutup disebabkan sekatan WorkFirst:
    - Saya perlu memohon semula dan perlu menyertai selama empat minggu berturut-turut sebelum saya boleh menerima wang tunai.
- Saya perlu bekerjasama dengan Division of Child Support (Bahagian Saraan Anak) sementara saya menerima faedah TANF/SFA melainkan saya mempunyai alasan munasabah untuk tidak bekerjasama. Mendapat sumber kewangan daripada sokongan kanak-kanak boleh membantu saya menamatkan kebergantungan saya terhadap bantuan kewangan.
- Saya boleh mendapatkan faedah wang tunai TANF/SFA hanya 60 bulan sahaja dalam seumur hidup saya melainkan saya layak untuk mendapat tempoh lanjutan.
- Saya telah menggunakan faedah wang tunai selama \_\_\_\_\_ bulan.
- Saya perlu bekerja, mencari kerja atau bersedia untuk kerja. Jika saya tidak dapat menghadiri aktiviti yang telah dijadualkan, saya akan menghubungi individu pada nombor yang disenaraikan di bawah.
- Saya harus melakukan aktiviti-aktiviti di bawah dalam jumlah masa yang ditetapkan di bawah setiap minggu:

Jika terdapat alasan yang munasabah yang saya tidak dapat mengikut pelan saya, saya harus menghubungi dan bekerjasama dengan Pakar WorkFirst/Pekerja Sosial saya secepat mungkin. Antara beberapa contoh alasan munasabah termasuklah:

- Saya terlepas satu temu janji kerana sakit atau terdapat masalah yang tidak dapat dielakkan dalam pengurusan pengangkutan atau penjagaan anak saya;
- Saya mengalami situasi kecemasan (fizikal, mental atau emosional);
- Saya seorang mangsa keganasan keluarga;
- Saya tidak dapat mencari pengasuh kanak-kanak yang sesuai di kawasan kediaman saya bagi kanak-kanak bawah 13 tahun;
- Saya berdepan dengan masalah perundungan yang perlu diselesaikan dalam masa terdekat;
- Saya mempunyai kekurangan upaya atau situasi tertentu dan hal ini telah menghindari saya daripada memenuhi keperluan program tersebut; atau
- Saya seorang dewasa dengan ketidakupayaan yang teruk dan kronik;
- Saya diperlukan di rumah bagi mengasuh kanak-kanak dengan keperluan khas atau menjaga seorang dewasa yang kurang upaya;
- Saya berumur 55 tahun dan mengasuh seorang kanak-kanak dan saya bukanlah ibu bapa kanak-kanak tersebut; atau
- Saya sedang memohon untuk SSI dengan seorang fasilitator DSHS.
- Saya seorang gelandangan atau sedang menjaga seorang atau lebih kanak-kanak gelandangan.

Jika saya tidak bersetuju dengan pelan ini, saya mempunyai hak untuk memohon sebuah pengkajian semula kes dan/atau sebuah Pembicaraan Pentadbiran. Bagi memohon sebuah pembicaraan, saya harus menghubungi Community Services Office (Pejabat Perkhidmatan Komuniti) saya atau Office of Administrative Hearings (Pejabat Pembicaraan

Pentadbiran), DSHS, PO Box 42489, Olympia WA 98504-2489, dalam masa 90 hari bermula dari tarikh tandatangan pengurus kes saya di bawah. Saya telah diberi salinan Individual Responsibility Plan (Pelan Tanggungjawab Individu) saya. Semasa proses pembicaraan, saya mempunyai hak untuk mewakili diri saya, diwakili oleh seorang peguam atau oleh mana-mana individu pilihan saya. Saya dibenarkan untuk mendapat nasihat atau perwakilan guaman percuma dengan menghubungi Nasihat dan Coordinated Legal Education Advice and Referral (Rujukan Pendidikan Perundangan Selaras) (CLEAR) dengan:

- Melawat laman web mereka <http://nwjustice.org/get-legal-help>;
- Menghubungi 1-888-201-1014 jika saya berumur bawah 60 tahun, atau
- Menghubungi 1-888-387-7111 jika saya berumur 60 tahun atau lebih.

TANDATANGAN PENGURUS KES	TARIKH	TANDATANGAN SAYA	TARIKH
JAS ID	NOMBOR KES	ID KLIEN	

#### KEPERLUAN SULIT

Saya boleh mendapat perkhidmatan sokongan bagi membantu saya maju dalam kerja saya,kekalkan kerja saya, menerima sebuah kerja, mencari sebuah pekerjaan, atau mengikuti pelan saya. Jika saya tidak bersetuju dengan sebuah keputusan tentang perkhidmatan sokongan, saya boleh memohon sebuah kajian semula kes dan/atau sebuah pembicaraan. Saya akan meminta Pakar Program WorkFirst/Pekerja Sosial saya jika saya memerlukan perkhidmatan sokongan seperti:

- |                   |                           |                   |                         |
|-------------------|---------------------------|-------------------|-------------------------|
| • Membaiki kereta | • Lampin                  | • Yuran/lesen     | • Perbatuan             |
| • Pakaian         | • Perbelanjaan pendidikan | • Potongan rambut | • Peralatan untuk kerja |
| • Kaunseling      | • Kebersihan diri         | • Pas bas         | • Perancangan keluarga  |

Ketika dalam sekatan, saya tidak boleh mendapat perkhidmatan sokongan (seperti wang untuk pakaian kerja atau kenderaan) sehingga saya bermula mengikuti IRP saya.

Saya faham yang jika saya enggan bekerjasama dengan Division of Child Support (Bahagian Saraan Anak, DCS) tanpa sebarang alasan munasabah, peruntukan saya mungkin akan dikurangkan. Alasan munasabah termasuklah ancaman kemudaratan terhadap anak-anak saya atau saya. Saya faham bahawa ketika saya mendapat bantuan TANF, sebarang wang saraan anak yang dikutip akan disimpan yang bertujuan membayar balik kerajaan negeri.

Ketika saya sudah tidak mendapat TANF/SFA, DCS akan mengutip wang saraan anak dan memberikannya kepada saya melainkan saya meminta mereka untuk berhenti berbuat demikian. Saya faham akan perkhidmatan sokongan, sekatan, dan saraan anak.

TANDATANGAN PENGURUS KES	TARIKH	TANDATANGAN SAYA	TARIKH